

Keadaan negara amat tegang: PM

Tindakan polis elak rusuhan

PERDANA Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan, tindakan polis menahan dan menangkap tokoh-tokoh politik, sosial dan profesional bertujuan menyelamatkan negara daripada bahaya dan bencana yang berpunca daripada ketegangan yang wujud sekarang.

"Keadaan keselamatan di negara kita amat tegang sekarang. Pihak polis yang bertanggungjawab terhadap ketenteraman dan kestabilan negara berpendapat bahawa kita sudah sampai kepada tahap yang berbahaya bagi negara.

"Polis berpendapat, dan saya setuju dengan pendapat mereka, ba-

KUALA LUMPUR, Rabu

kumpulan-kumpulan yang sebulu dengan mereka sengaja membesarkan isu yang ada kaitan dengan kaum.

"Mereka mengadakan rapat-rapat umum, mesyuarat awam, perhimpunan dan kegiatan-kegiatan lain untuk membakar hati orang Cina dan India terhadap kerajaan dan orang Melayu," katanya.

Beliau berkata, pemimpin-pemimpin DAP amat gemar menggunakan isu-isu perkauman untuk mendapatkan sokongan bagi parti. DAP katanya, sengaja mengejek parti politik Cina dalam Barisan Nasional sebagai 'running dog' parti Umno dan dengan ini parti Cina dan India dalam BN akan berusaha pula membuktikan bahawa mereka juga kuat dari segi perkauman.

"Pelbagai isu dijadikan ujian siapa yang lebih kuat, umpamanya isu tarian, singa, koperasi, papan tanda iklan, ikrar murid, sekolah, mata pelajaran pilihan di Universiti Malaya, KBSR, Pribumi/Bumiputera dan guru sekolah Cina.

hawa kerajaan tidak boleh menunggu sehingga rusuhan tercetus. Langkah-langkah mencegah kejadian rusuhan perlu diambil sekarang juga," katanya ketika membentangkan laporan berhubung tangkapan dan penahanan mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) di Dewan Rakyat petang ini.

Menurutnya, berikutan daripada pelbagai pergolakan politik, agama dan sosial keadaan negara menjadi amat tegang dan sudah sampai kepada tahap yang membahayakan keselamatan negara.

Tidak sanggup

Datuk Seri Dr Mahathir menegaskan, negara tidak sanggup mengalami rusuhan kaum seperti yang berlaku pada 13 Mei 1969 dan sikap tidak bertanggungjawab dan kegiatan menjolok isu-isu sensitif sepatutnya tidak berlaku.

Beliau berkata, pihak polis yang memerhati dan meneliti perkembangan politik sepanjang masa mendapati ada pihak-pihak tertentu yang tidak menghargai sikap liberal kerajaan sejak 1981.

"Sejak 1981, kerajaan cuba mengelak daripada mengawal terlalu ketat kegiatan dan gerak geri rakyat. Kerajaan membebaskan kebanyakan yang dalam tahanan. Lebih banyak kelulusan mencetak akhbar dan majalah diberikan. Kegiatan kebudayaan yang dulunya ditegah, diberi kelonggaran dan perhimpunan, seminar, dialog, dan 'rally' yang dulu dianggap menghasut, tidak diambil tindakan," ujarnya.

Bagaimanapun, ada pihak yang tidak menghormati kebebasan ini. Polis mendapati beberapa tokoh dan pemimpin parti pembangkang dan

"Dalam ucapan yang dibuat membincangkan isu-isu ini, banyak kata-kata kesat yang boleh ditakrif sebagai hasutan disuarakan dengan lantang, dan akhbar serta majalah pula semakin berani melapor dan membuat rencana yang membakar hati kaum terbabit," ujarnya.

Beliau berkata, pada masa yang sama pihak yang prokomunis tidak berdiam diri. Mereka memang menanggung di air yang keruh dengan menghasut badan-badan sah dan tidak sah.

"Ada bukti menunjukkan mereka mendapat ilham dan sokongan moral dan material daripada pihak-pihak luar negeri yang tidak ingin melihat negara kita tenteram dan maju," tegasnya.

Katanya, selain daripada soal perkauman, soal agama juga dieksploitasi oleh pemimpin-pemimpin Pas dan fanatik agama bagi meluaskan jarak perbezaan antara penganut-penganut agama yang berlainan di negara ini.

"Beberapa pemimpin Pas cuba bukan sahaja memecahbelahkan orang Islam sesama Islam, tetapi juga menghasut orang Islam supaya benci dan marah kepada orang Kristian dengan dakwaan-dakwaan tidak berasas," jelasnya.

Datuk Seri Dr Mahathir mengingatkan rakyat bahawa sejak negara mencapai kemerdekaan 30 tahun yang lalu, beberapa perkara dipersetujui bersama antara kaum-kaum di negara ini untuk menjadi asas kemerdekaan dan Perlembagaan Negara.

"Persetujuan ini mestilah dihormati oleh semua pihak dan ia tidak boleh disoal oleh sesiapa," katanya.